

PM yakin ekonomi negara pulih tahun ini

UM - 5 FEB 2002
Daripada KHALID MOHD

NEW YORK 4 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin ekonomi negara akan pulih pada tahun ini dan Malaysia akan terus menjadi tempat menarik untuk para pelabur dalam keadaan dunia yang tidak menentu hari ini.

Walaupun rantaunya menghadapi pergolakan, Malaysia tetap stabil dari segi politik dan ekonomi kerana asas-asasnya yang kuat, tegas Perdana Menteri.

Dalam suasana tidak menentu hari ini, katanya, kestabilan politik menjadi kunci kepada pemulihan ekonomi serta kemampuan menghadapi cabaran yang terbit selepas peristiwa 11 September.

Perdana Menteri berucap pada Kemuncak Pelaburan Malaysia anjuran ASLI di sini tengah hari ini yang dihadiri oleh para pelabur Amerika.

Bertahan

Beliau berucap atas tajuk 'Mengekalkan Kestabilan Ekonomi dan Politik Di Tengah-Tengah Pergolakan Serantau dan Ketidaktentuan Dunia: Pengalaman Malaysia.'

"Hakikat yang mesti diterima ialah bahawa Malaysia sebuah negara yang jauh lebih stabil dari segi politik di mana ekonominya terus kuat dan dapat bertahan walaupun dalam menghadapi pergolakan dan ketidak-tentuan," katanya.

Beliau yakin sebaik sahaja suasana bertambah baik Malaysia akan dapat kembali kepada landasan pertumbuhan pesat yang pernah dilaluinya sebelum ini.

Beliau bagaimanapun menegaskan bahawa kunci kepada pemulihan itu banyak bergantung kepada apa yang terjadi di Amerika Syarikat terutama sekali ekonominya.

Amerika Syarikat merupakan pelabur terbesar di Malaysia selain menjadi rakan dagangan terbesar Malaysia.

"Bila Amerika makmur, eksport kami meningkat, pengeluaran kami bertambah dan kami juga makmur. Tapi bila Amerika mengalami kemuraman ekonomi, kami susah sama," ujar beliau.

Dr. Mahathir menegaskan, harapan terbesar Malaysia ialah untuk melihat sebuah dunia yang makmur terutama sekali rakan-rakan yang berdagang dengannya.

Dalam ucapan panjang lebarnya tentang Malaysia sebagai tempat untuk melabur, Perdana Menteri juga mengambil peluang untuk memperbetulkan gambaran yang diberikan oleh sesetengah akhbar seolah-olah Malaysia menjadi sarang pengganas.

Kestabilan

Menurutnya, rasa tidak senang yang ditunjukkan terhadap negara-negara Islam turut menjejaskan Malaysia meskipun pada hakikatnya Malaysia adalah stabil dan bebas daripada pengganas dan tidak pernah menaruh sangka buruk terhadap orang asing termasuk rakyat Amerika.

Persoalan yang timbul sekarang, kata Dr. Mahathir, ialah sama ada Malaysia dapat mengekalkan kestabilannya di tengah-tengah pergolakan di rantaunya.

Dengan kejayaan perkongsian kuasa di antara rakyat berbilang kaum, beliau yakin kestabilan itu tidak akan tergugat.

"Kesedaran ini membuat kami komited sepenuhnya untuk mengekalkan kestabilan dalam apa juga keadaan.

"Pergolakan semasa serantau serta ketidak-tentuan dunia telah memperkuatkan azam kami untuk kekal stabil.

"Kami faham adalah lebih mudah untuk menumpukan perhatian kepada langkah mengatasi pergolakan dari luar jika kami tidak diganggu pergolakan dari dalam," katanya. — *Utusan*